

Jenis Akhbar : Berita Harian

Tarikh : 13/09/2018

Edisi / Muka Surat : Nasional / 59

Tajuk : ANGKASA digesa ceburi bidang berasas teknologi

BH Khamis, 13 September 2018

Ms.59

→ WILAYAH

ANGKASA digesa ceburi bidang berasas teknologi

→ Produk berpotensi janji peluang perniagaan lebih besar

Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof
cnews@nstp.com.my

► Balakong

Ahli Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (ANGKASA) digesa supaya aktif dalam penyelidikan dan pembangunan produk berasaskan teknologi kerana ia sentiasa berkembang sejajar peradaran zaman.

Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata beliau yakin, menerusi sektor inovasi dan teknologi ANGKASA, lebih banyak koperasi berupaya terbabit dan menyumbang kepada sektor berkenaan.

Katanya, ini berikutan penggunaan teknologi yang semakin meluas sudah pasti menjanjikan peluang perniagaan besar kepada koperasi yang seharusnya bijak mengintai peluang.

Produk mesra alam

"Baru-baru ini, ANGKASA menjalin memorandum persefahaman dengan syarikat kenderaan elektrik, Treeletrik Sdn Bhd.

"Menerusi MoU itu, antara lain kita menawarkan kepada ahli untuk menggunakan kenderaan ini untuk dipromosi penggunaannya di sekitar kampus atau kawasan perumahan, ke-

rana ia bukan saja menjimatkan tetapi mesra alam," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar Program Kibar Jalur Gemilang anjuran ANGKASA dengan kerjasama Treeletrik di sini, semalam.

Majlis berkenaan turut meraikan pemenang cabutan bertuah pada Majlis Makan Malam Angkasa yang diadakan awal tahun lalu, iaitu Datuk Shaharuddin Mohd Sidek, 56 yang memenangi skuter elektrik model T-70 bernilai RM5,000 sumbangan Treeletrik.

Yang turut hadir, Pengarah Eksekutif Treeletrik Sdn Bhd, Datuk Steven Thor. Muhammad Hasib Shaharuddin menerima hadiah mewakili Shaharuddin yang tidak dapat hadir pada acara itu.

Abdul Fattah, yang juga Presiden Pertubuhan Koperasi ASE-

AN (ACO), berkata ANGKASA dan Konsortium Koperasi Wanita sedang berusaha membangunkan teksi khusus wanita menggunakan produk keluaran Treeletrik yang dicadangkan namanya sebagai teksi merah jambu atau Pink Teksi.

Pink Teksi guna tenaga elektrik

"Sekiranya projek ini berjaya kita akan menjadi negara pertama di Rantau Asia memiliki Pink Teksi, teksi menggunakan tenaga elektrik," katanya.

Sementara itu, Steven Thor berkata, Treeletrik adalah syarikat tempatan yang ditubuhkan tiga tahun lalu, sudah menerima lebih 100 tempahan membabitkan motosikal dan lori kecil, manakala kereta akan dilancarkan menjelang akhir tahun ini.